

# 'HILANG PENAT LIHAT KAWASAN BAZAR BERSIH'

*Zakaria komited dalam tugas memastikan kebersihan tapak bazar Ramadan sepanjang 30 hari*

Oleh Suraya Roslan  
surayaroslan@mediapri-  
ma.com.my

**Kuala Lumpur**

**D**i sebalik kemeriahan bazar Ramadan yang menjadi penyeri setiap kali umat Islam berpuasa, ramai lupa ada wira tidak didendang yang bersengkang mata membersihkan lokasi itu bagi kesejahteraan kepada pembeli dan peniaga.

Mereka adalah pekerja syarikat pembersihan Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) yang akan melakukan pembersihan sepanjang 30

hari bazar Ramadan beroperasi.

Wira dan wirawati ini sanggup berpanas mahupun berhujan apabila sanggup bergelumang dengan kotoran demi mengekalkan kebersihan bazar Ramadan yang dikunjungi ribuan orang.

Ahmad Zakaria Puteh, 51, berkata, dia sudah bekerja selama 20 tahun sanggup meninggalkan jawatan sebagai penyelia di sebuah syarikat sebelum menjadi tukang sapu.

Menurutnya, memulakan tugas seawal jam 7.30 pagi membersihkan Bazar Ramadan Jalan Bunus, di sini, dan sekitar Masjid India yang menjadi tumpuan warga kota untuk membeli juadah berbuka puasa.

"Kebiasaannya kami akan mula bekerja awal pagi kerana ketika itu masih tidak ada kenderaan. Ini adalah kewajipan saya sebagai pekerja yang berkhidmat dengan Alam Flora untuk memberikan kesejahteraan kepada orang ramai.

"Saya ditugaskan untuk membersihkan kira-kira 1.5 kilometer dan ia dilakukan dengan rasa bangga. Ia

**"  
Lebih  
menggembirakan,  
peniaga bazar tidak  
putus mengucapkan  
terima kasih  
kepada kami  
Ahmad Zakaria**



AHMAD Zakaria gembira beri khidmat terbaik buat masyarakat. memberi saya rasa kepuasan apabila melihat kawasan ini bersih," kata bapa kepada lima anak itu.

Katanya, dia merasa satu kepuasan apabila melihat kawasan itu

bersih yang memudahkan orang ramai membeli juadah terbuka.

"Walaupun dalam keadaan cuaca panas dan berpuasa, saya seronok dan langsung tidak malu dengan pekerjaan ini, lebih-lebih lagi kami menjalin hubungan yang baik dengan peniaga.

"Lebih menggembirakan, peniaga bazar tidak putus mengucapkan teri-

ma kasih kepada kami kerana membantu membersihkan tapak niaga," katanya.

Katanya, ramai orang suka memberikan persepsi buruk mengenai pekerjaan mulia ini, tetapi dia lebih menghargai keikhlasan orang ramai yang berterima kasih kepadanya kerana menjaga kebersihan kawasan itu.

"Peniaga di tapak bazar bersikap baik kepada saya dan sering memberikan senyuman yang membuatkan saya rasa dihargai," katanya.

Seorang lagi pekerja pembersihan NS Ravindran, 56, berkata, dia gembira dengan pekerjaannya kerana memberi kesejahteraan kepada orang ramai.

"Saya sudah bekerja sebagai pekerja pembersihan selama 29 tahun. Sebelum menyertai Alam Flora, saya bekerja di bawah DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur).

"Bekerja beramai-ramai sebagai satu pasukan sangat menyeronokkan, kami boleh bergurau senda ketika bekerja, tiada sebarang masalah," kata bapa lima anak itu.

Menurutnya, sepanjang bazar Ramadan beroperasi, dia menjalinkan hubungan dan komunikasi yang baik dengan peniaga.

"Mereka sangat menerima kami dan memberi kerjasama yang baik, kadang-kadang peniaga memberi makanan dan minuman kepada kami.

"Tetapi kami hanya akan makan dan minum ketika rehat atau selepas waktu kerja," katanya.

AHMAD Zakaria (kiri) dan Ravindran membersihkan kawasan sekitar Bazar Ramadan Jalan Bunus, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AIMAN DANIAL MOHD HOOD AKTHA